

# INTEGRASI GOLONGAN MUALAF CINA TERHADAP KEBUDAYAAN MASYARAKAT MELAYU BERDASARKAN DEMOGRAFI DI NEGERI SELANGOR

<sup>1</sup>Syarul Azman Shaharuddin, <sup>2</sup>Razaleigh Muhamat @ Kawangit,  
<sup>3</sup>Hanis Najwa Shaharuddin

<sup>1</sup>Jabatan Dakwah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>2</sup>Institut Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan integrasi golongan muallaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu di Negeri Selangor. Pengkaji melihat perbezaan kefahaman berdasarkan faktor umur, status perkahwinan dan pekerjaan responden. Kajian ini melibatkan seramai 408 muallaf Cina sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan golongan muallaf Cina yang berumur kurang daripada 20 tahun mempunyai integrasi yang lebih tinggi berbanding dengan umur 21-30 tahun, 31-40 tahun dan lebih daripada 40 tahun. Dari aspek pekerjaan, mereka yang bekerja di sektor awam mempunyai integrasi yang lebih tinggi berbanding dengan bekerja sendiri, swasta dan tidak bekerja. Namun, dapatan menunjukkan nilai yang tidak signifikan dari segi status perkahwinan. Implikasinya, faktor-faktor penyumbang ini dapat memberi pencerahan kepada masyarakat Melayu Muslim untuk mengetahui integrasi golongan muallaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu supaya dapat mengekalkan integrasi kebudayaan antara Cina dan Melayu.

**Kata Kunci:** Perbezaan integrasi, Muallaf Cina, Kebudayaan Masyarakat Melayu, Umur, Status Perkahwinan dan Pekerjaan

## ABSTRACT

This study aims to recognize the difference of the integration of Chinese Muslim converts towards the Malay cultures in Selangor. The author has seen the difference of understanding base on age, marital status and profession of the respondents. The research involves 408 of Chinese Muslim converts as respondents. The results showed those groups with age below than 20 gave the higher integration than those with the age among 21-30, 31-40 and above 40 years old. In term of profession, those who are in governmental sector gave higher integration than self employed, private and unemployed. However, the results gave the insignificant values in term of marital status. These factors contribute in giving explanation to Malay Muslims in understanding the integration of Chinese Muslim converts towards the Malay cultures in order to sustain the integration between both group societies.

**Keywords:** Integration difference, Chinese Muslim converts, Malay cultures, age, marital status and profession.

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai berbilang kaum dan melahirkan pelbagai etnik. Oleh yang demikian, wujud permasalahan, iaitu masalah integrasi kebudayaan Islam sukar berkembang hasil daripada munculnya isu-isu perkauman di Malaysia dan ia perlu diselesaikan dengan kadar segera. Isu-isu perkauman dan pelbagai tanggapan seolah-olah telah dapat mempengaruhi perasaan, pemikiran dan tindakan antara golongan. Maka masalah pencapaian integrasi nasional sentiasa mendapat perhatian utama dalam pembinaan sejak awal kemerdekaan hingga sekarang (Sanusi Osman, 1986).

Pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969 telah memberi beberapa pengajaran penting kepada kerajaan, ahli-ahli politik dan setiap rakyat Malaysia. Bak kata pepatah Melayu “yang baik jadikan teladan, yang buruk jadikan sempadan.” Pertama, rusuhan kaum tidak menguntungkan sesiapa. Malahan, rusuhan kaum merugikan semua pihak dengan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Kedua, langkah-langkah konkrit harus diambil untuk mengeratkan perpaduan nasional dan keharmonian antara kaum. Ketiga, perpaduan nasional tidak akan tercapai sekiranya terdapat sebilangan besar rakyat yang miskin. Keempat dan akhir sekali, peristiwa 13 Mei 1969 telah memberi pengajaran bahawa setiap rakyat harus menghormati satu sama lain. Kita harus bersikap toleransi dan menghormati adat resam kumpulan-kumpulan etnik lain (Ranjit Singh Malhi, 2005).

Kesan daripada peristiwa tersebut, maka lahirlah pelbagai usaha untuk mengintegrasikan kaum bukan sahaja pada peringkat kerajaan bahkan bukan kerajaan pun turut serta dalam pembinaan masyarakat yang harmoni. Integrasi yang dimaksudkan di sini ialah integrasi pendidikan, sosial, wilayah, ekonomi, kebudayaan, politik dan agama. Sebelum membina sesebuah integrasi, kefahaman daripada golongan muafak Cina perlu diambil kira terhadap kebudayaan masyarakat Melayu. Dengan wujudnya kefahaman yang mendalam, maka akan terbina perilaku dan tindakan yang bersifat akomodatif, iaitu sedia menerima golongan etnik yang berbeza yang mempunyai kelainan dalam pelbagai aspek kehidupan, kebiasaan, adat resam dan agama, merupakan aspek yang sangat penting sebagai pembuka jalan kepada kerjasama dan kesepakatan demi untuk melanjutkan hubungan budaya yang harmonis (Shamsul Amri Baharuddin, 2007).

## KONSEP INTEGRASI

Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik (Shamsul Amri Baharuddin, 2007). Sanusi Osman (1989) pula menyatakan integrasi ialah satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat

dan negara seluruhnya melalui ideologi negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama dalam kalangan mereka. Perpaduan masyarakat merupakan sebahagian komponen yang penting daripada pembangunan negara.

Mohd Salleh (1998) menyatakan integrasi ialah satu proses menyatupadukan masyarakat majmuk atau pelbagai kaum dan mewujudkan pula pembentukan kebudayaan kebangsaan atau nasional yang tersendiri dalam kalangan mereka. Perpaduan boleh dicapai melalui dua cara, iaitu integrasi dan asimilasi. Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik. Asimilasi pula ialah satu proses untuk kumpulan-kumpulan minoriti diasimilasikan melalui perkahwinan campur dan sebagainya ke dalam kumpulan etnik yang lebih besar.

Teori Ibn Khaldun (1332-1406) ada menjelaskan bahawa dalam pembinaan tamadun manusia salah satu keperluan manusia adalah bekerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Manusia memerlukan organisasi dan kerajaan yang dipimpin oleh orang yang berkedudukan tinggi dan berwibawa. Namun, asas kepada organisasi dan kemajuan kehidupan manusia ialah *‘asabiyyah*, iaitu semangat kekitaan dan bekerjasama atau *social solidarity*. Apabila wujudnya *‘asabiyyah*, sesuatu kelompok sosial mampu menubuhkan kerajaan, memperkembangkan kesenian, sains dan teknologi, perdagangan dan segala kemajuan dalam segala lapangan (Ismail Hussein et al., 2001).

Pada zaman permulaan pembinaan masyarakat Islam di Madinah, setibanya Nabi Muhammad SAW dan sahabat karibnya Abu Bakar terus mengatur strategi secara sistematik dengan meletakkan beberapa asas utama untuk membina sebuah masyarakat Islam di Madinah yang bersatu padu dan mampu bekerjasama di bawah prinsip-prinsip dan norma-norma Islam. Asas-asas yang digariskan ialah; Pertama, Pembinaan masjid yang dijadikan sebagai asas pertama ke arah membina sebuah masyarakat Islam di Madinah jelas membuktikan betapa pentingnya institusi ini dalam menegakkan syiar Islam. Masjid boleh memainkan peranan penting dalam menyatukan akidah umat Islam. Malah, pembinaannya juga sering dikaitkan sebagai bahan bukti bahawa seluruh ibadat dalam Islam menjurus kepada pembersihan jiwa, pemurnian akhlak, pengukuhan ikatan antara sesama Muslim, khususnya dalam hal-hal yang ada kaitannya dengan bantu membantu ke arah kebaikan dan ketakwaan. Masjid menjadi tempat yang boleh menyatukan barisan umat Islam, mendidik jiwa, dan menghidupkan hati-hati mereka, termasuklah menyelesaikan segala masalah. Pada peringkat permulaan Islam, masjid yang dibina ini berfungsi sebagai tempat beribadat bagi masyarakat Islam Madinah dan tempat perlindungan kepada wanita Islam yang lemah yang tidak mempunyai pelindung semasa mereka tiba di Madinah seperti yang berlaku kepada al-Walidah al-Sawda'. Selain itu, masjid turut berperanan sebagai tempat untuk bermesyuarat, berbincang dan mempelajari hal-hal yang berkaitan dengan urusan keagamaan serta keduniaan. Bukan itu sahaja, bahkan menempatkan tawanan perang Mushrik juga menjadi salah satu fungsi masjid pada waktu itu. Hikmah

di sebaliknya ialah supaya golongan Mushrik melihat amalan orang Islam, mendapat kesedaran dan pengajaran mengenai ajaran agama Islam yang asing bagi mereka.

Aspek kedua ialah mempersaudarakan di antara golongan Ansar dengan golongan Muhajirin dipandang penting oleh Nabi Muhammad SAW. Lebih-lebih lagi apabila ia mempamerkan satu menifestasi keadilan dalam Islam daripada segi akhlak kemanusiaan. Banyak dorongan yang membawa kepada wujudnya persaudaraan di antara dua golongan ini. Golongan Muhajirin yang datang dari Mekah dilihat berhadapan dengan beberapa masalah dari segi ekonomi dan juga sosial. Hal ini kerana sebilangan besar daripada mereka tiba di Madinah dengan sehelai sepinggang dan meninggalkan harta benda di Mekah. Ibn Hisham menyenaraikan dengan terperinci antara sahabat yang terlibat dalam persaudaraan. Mereka ialah Abu Bakar yang dipersaudarakan dengan Kharijah bin Zuhayr, Jafar bin Abi Talib dengan Mu'adh bin Jabal, Umar bin al-Khattab dengan Utban bin Malik, Abu Ubaydah bin Abd Allah dengan Sa'd bin Mu'adh, al-Zubayr bin al-'Awwam dengan Salamah bin Salamah, Abd al-Rahman bin 'Awf dengan Saad bin al-Rabi', Uthman bin Affan dengan Aws bin Thabit, Talhah bin Ubayd Allah dengan Ka'ab bin Malik, Sa'ad bin Zayd dengan Ubay bin Ka'ab, Mus'ab bin 'Umayr dengan Abu Ayub Khalid bin Zayd, Ammar bin Yasir dengan Hudhayfah bin Yaman dan juga Abu Hudhayfah bin 'Utbah dengan 'Abbad bin Bishr.

Aspek ketiga ialah mengadakan perjanjian dengan penduduk Madinah. Kehidupan di kota Madinah yang dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza dari sudut keagamaan serta kebudayaan seperti Muslimin (Muhajirin dan Ansar), Yahudi (Bani Qurayzah, Bani al-Nadir dan Bani Qaynuqa') dan juga Mushrikin menyerlahkan beberapa masalah yang perlukan kepada penyelesaian segera. Antaranya ialah yang berkaitan dengan masalah hak dan tanggungjawab setiap kelompok masyarakat, cara untuk membantu golongan Muhajirin Mekah, bentuk hubungan dengan penduduk bukan Muslim terutamanya Yahudi, penyusunan organisasi politik dan juga ketenteraan bagi tujuan mempertahankan Madinah serta juga yang berkaitan dengan ganti rugi kehilangan nyawa dan harta benda yang dialami oleh Muhajirin akibat perbuatan pihak Quraysh Mekah (Hamidullah Muhammad, 1969).

Hal yang jelas di sini ialah penyelesaian yang cuba dicadangkan didorong oleh rasa ingin membina sebuah komuniti yang selamat atau dengan kata lain, ia diharap boleh memberi jaminan bahawa ahli komuniti tersebut tidak akan berperang antara sesama mereka. Jika berlakunya perselisihan antara mereka pula, ia akan diselesaikan dengan aman damai. Hal inilah yang menjadi perkiraan kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengadakan perjanjian antara Baginda dengan penduduk Madinah, tanpa mengambil kira sama ada mereka adalah Muslim ataupun bukan Muslim. Perkara yang menarik di sini ialah perjanjian ini hanya dibuat selepas berlakunya perundingan dengan kelompok terbabit.

Jika proses integrasi berlaku seperti yang dijelaskan di atas dalam masyarakat yang berbilang kaum sudah tentu akan melibatkan akomodasi, adaptasi, perubahan dan perpaduan yang akan membawa kepada percantuman, penggabungan serta

kepelbagaian yang tidak terasa. Dalam pembaharuan begini, setiap kaum tetap mengekalkan sebahagian dari ciri-ciri budaya asal masing-masing bersama-sama menyumbang dan akhirnya melahirkan corak budaya yang pelbagai sifatnya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut :-

1. Mengenal pasti perbezaan integrasi golongan muafak Cina di negeri Selangor terhadap kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan umur.
2. Mengenal pasti perbezaan integrasi golongan muafak Cina di negeri Selangor terhadap kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan status perkahwinan.
3. Mengenal pasti perbezaan integrasi golongan muafak Cina di negeri Selangor terhadap kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan pekerjaan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dalam mengenal pasti perbezaan kefahaman golongan muafak Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan umur, status perkahwinan, kelulusan akademik dan pekerjaan. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 408 orang muafak Cina. Instrumen yang digunakan ialah satu set data soal selidik dan diedarkan kepada responden. Bagi tujuan menganalisis data, pengkaji menggunakan pakej SPSS (Statistical Packages for Social Sciences 19). Untuk mengetahui perbezaan integrasi golongan muafak Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan umur dan kelulusan akademik, pengkaji menggunakan analisis Kruskal Wallis. Analisis ini dijalankan disebabkan oleh bilangan sampel antara faktor yang dikaji tidak seimbang dan bilangan sampel di dalam kumpulan kurang daripada 30 (Pallant, 2005) manakala, data bagi perbezaan penerimaan golongan muafak Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan status perkahwinan, pekerjaan dan pendapatan bulanan dianalisis menggunakan Anova satu hala.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **a. Profil Demografi Responden**

Jadual 1.1 menunjukkan kekerapan dan peratusan demografi responden yang melibatkan seramai 408 orang muafak Cina seperti umur, status perkahwinan dan pekerjaan.

Jadual 1.1 Profil Demografi Kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Umur		
Kurang dari 20	29	7.1%
21 hingga 30	135	33.1%
31 hingga 40	157	38.5%
Lebih dari 41	87	21.3%
Status Perkahwinan		
Bujang	115	28.2%
Berkahwin	247	60.5%
Duda/Janda	46	11.3%
Pekerjaan		
Kerajaan	48	11.8%
Swasta	111	27.2%
Sendiri	146	35.8%
Tidak Bekerja	103	25.2%

### I. Umur

Maklumat mengenai umur responden seperti di dalam jadual 1.1. Umur responden dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu 20 tahun ke bawah, 21-30 tahun, 31-40 tahun dan 41 tahun ke atas. Hasil daripada 408 responden, responden yang paling banyak dalam kajian ini ialah dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun, iaitu sebanyak 38.5% (157 orang). Kemudian, diikuti dengan lingkungan umur 21-30 tahun, iaitu sebanyak 33.1% (135 orang). Seterusnya, bagi kumpulan umur yang atas lebih daripada 41 tahun, iaitu sebanyak 21.3% (87 orang). Manakala responden yang paling kecil bilangan responden ialah dalam lingkungan umur 20 tahun ke bawah, iaitu sebanyak 7.1% (29 orang).

### II. Status Perkahwinan

Bagi status perkahwinan, jadual 1.1 menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini sudah berkahwin iaitu seramai 247 orang (60.5%). Manakala, responden yang berstatus bujang seramai 115 orang (28.2%). Responden yang berstatus duda/janda pula seramai 46 orang (11.3%).

### III. Pekerjaan

Jadual 1.1 menunjukkan dari segi pekerjaan. Responden yang paling ramai merupakan responden yang bekerja sendiri, iaitu seramai 146 orang (35.8%). Responden yang bekerja swasta seramai 111 orang (27.2%). Diikuti dengan responden yang tidak

bekerja, iaitu seramai 103 orang (25.2%). Pekerjaan yang paling sedikit respondennya ialah yang bekerja kerajaan, iaitu seramai 48 orang (11.8%).

### b. Perbezaan Integrasi Golongan Mualaf Cina terhadap Budaya Masyarakat Melayu berdasarkan Umur

Jadual 1.2 Ujian Kruskal Wallis perbezaan integrasi golongan mualaf Cina terhadap budaya masyarakat Melayu berdasarkan umur

Umur	N	Min ranking	Chi square	Df	Sig.
Kurang dari 20 tahun	29	279.50	41.159	3	0.000
21 hingga 30 tahun	135	213.45			
31 hingga 40 tahun	157	162.46			
Lebih dari 40 tahun	87	241.48			

Jadual 1.2 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan integrasi golongan mualaf Cina terhadap budaya masyarakat Melayu berdasarkan umur dengan nilai Chi Square = 41.159 dan sig = 0.000 ( $p < 0.05$ ). Dari segi min ranking menunjukkan bahawa mualaf Cina yang berumur kurang dari 20 tahun (Min ranking = 279.50) mempunyai integrasi yang lebih tinggi berbanding dengan mualaf Cina yang berumur lebih dari 40 tahun (Min ranking = 241.48), mualaf Cina yang berumur 21 hingga 30 tahun (Min ranking = 213.45) dan mualaf Cina yang berumur 31 hingga 40 tahun (Min ranking = 162.46).

### c. Perbezaan Integrasi Golongan Mualaf Cina terhadap Budaya Masyarakat Melayu berdasarkan Status Perkahwinan

Jadual 1.3 ANOVA satu hala perbezaan integrasi golongan mualaf Cina terhadap budaya masyarakat Melayu berdasarkan status perkahwinan

Status perkahwinan	Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	0.630	2	0.315	1.020	0.362
Dalam kumpulan	125.079	405	0.309		
Jumlah	125.709	407			

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan integrasi golongan mualaf Cina terhadap budaya masyarakat Melayu berdasarkan status perkahwinan dengan nilai F = 1.020 dan sig = 0.362 ( $p > 0.05$ ). Dari segi min menunjukkan bahawa mualaf Cina dengan status perkahwinan bujang mempunyai integrasi yang lebih tinggi berbanding dengan mualaf dengan status perkahwinan berkahwin dan duda/janda.

#### d. Perbezaan Integrasi Golongan Muafaf Cina terhadap Budaya Masyarakat Melayu berdasarkan Pekerjaan

Jadual 1.4 ANOVA satu hala perbezaan integrasi golongan muafaf Cina terhadap budaya masyarakat Melayu berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	9.339	3	3.113	10.807	0.000
Dalam kumpulan	116.370	404	0.288		
Jumlah	125.709	407			

Jadual 1.4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan integrasi golongan muafaf Cina terhadap budaya masyarakat Melayu berdasarkan pekerjaan dengan nilai  $F = 10.807$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Dari segi min menunjukkan bahawa muafaf Cina dengan pekerjaan kerajaan mempunyai integrasi yang lebih tinggi berbanding dengan muafaf dengan pekerjaan swasta, sendiri dan tidak bekerja.

#### PERBINCANGAN

Dapatan kajian dari aspek penerimaan golongan muafaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu juga dianalisis mengikut tiga faktor, iaitu umur, status perkahwinan dan pekerjaan. Dari segi aspek umur, penerimaan golongan muafaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dapatan kajian menunjukkan responden yang berumur 20 tahun ke bawah mempunyai integrasi yang lebih tinggi berbanding dengan responden yang berumur 21-30 tahun, 31-40 tahun dan lebih daripada 40 tahun. Hal ini menunjukkan golongan remaja mempunyai integrasi yang lebih tinggi tentang kebudayaan masyarakat Melayu dan membawa kepada satu integrasi sosial.

Dari aspek status perkahwinan, responden yang berstatus bujang mempunyai integrasi yang lebih tinggi berbanding responden yang berstatus kahwin, duda atau janda. Walaupun begitu, kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan integrasi golongan muafaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu. Hal ini bertentangan dengan telah yang diperkatakan oleh Hyman (1959), iaitu faktor utama dalam membentuk integrasi adalah melalui keluarga. Jadi, hal ini dapat dikaitkan dengan faktor status perkahwinan, iaitu ia memainkan peranan dalam membentuk integrasi dan proses sosialisasi. Tambahan lagi, anak-anak dapat membentuk pemikiran mereka dengan mendengar perbualan ibu bapa ketika bersarapan (Hyman, 1959). Oleh itu, pengaruh keluarga memainkan peranan dalam membentuk hubungan anak-anak dengan jiran, orang lain, undang-undang tempatan dan masyarakat amnya (Ridhuan Tee Abdullah, 2010). Menurut Langton (1969), mengatakan keluarga merupakan faktor utama untuk membentuk satu kumpulan sosial yang mana menghasilkan sebuah interaksi di antara mereka. Justeru, kajian ini tidak menunjukkan hubungan yang signifikan sedangkan faktor status perkahwinan ini memainkan peranan



utama dalam membentuk satu integrasi atau kumpulan sosial. Ia juga disokong oleh Jennings, Niemi, Chaffe, McLeod dan Wackman (Dennis, 1973).

Dari sudut pekerjaan, satu integrasi yang signifikan ditunjukkan dalam kajian ini. Responden yang bekerja di sektor awam lebih terdedah dengan kebudayaan Melayu berbanding responden yang bekerja swasta, sendiri dan tidak bekerja. Responden golongan muallaf Cina yang bekerja swasta hanya 48 orang berbanding dengan pekerjaan lain. Hal ini kerana, dalam sektor ekonomi, orang Cina mendominasi hampir keseluruhan sektor ekonomi sama ada yang berskala besar atau pun kecil (Chin, 2003; Phang, 2000). Manakala, orang Melayu sebahagian besar bekerja di sektor awam (Mohd Azhar, 2012). Jadi, tidak hairanlah golongan muallaf Cina yang bekerja di sektor awam lebih memahami kebudayaan masyarakat Melayu Muslim, iaitu ia dapat membentuk satu integrasi nasional. Di sini dapat dilihat, apabila kefahaman dan penerimaan menunjukkan signifikan, maka akan menghasilkan satu integrasi yang signifikan.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa wujudnya perbezaan integrasi golongan muallaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan demografi di negeri Selangor. Antara faktor demografi yang memberi kesan terhadap penerimaan golongan muallaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu adalah umur dan pekerjaan. Manakala jantina tidak dapat dijadikan faktor dalam mengukur integrasi golongan muallaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu. Dengan adanya maklumat seperti ini, orang Melayu amnya dan pendakwah khasnya dapat sedikit pencerahan berkaitan golongan muallaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu supaya dapat mewujudkan satu integrasi yang padu antara bangsa Melayu dan Cina.

Beberapa cadangan dapat dinyatakan di sini untuk ditujukan kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk menambah baik kerja dakwah khususnya yang melibatkan golongan muallaf dan bukan Muslim khususnya dalam integrasi kebudayaan masyarakat Melayu.

1. Tingkatkan lagi kefahaman para golongan muallaf Cina terhadap kefahaman Islam dan kebudayaan Melayu supaya penerimaan terhadap kebudayaan Melayu dapat diterima dengan lebih baik dan secara langsung mewujudkan integrasi dalam kalangan mereka.
2. Orang Melayu amnya dan golongan yang membimbing para muallaf Cina khasnya perlu mengamalkan budaya Melayu yang baik dan secara tidak langsung dapat menunjukkan Islam adalah agama yang syumul dan unggul.
3. Berdasarkan dapatan kajian, faktor umur dan sektor pekerjaan yang menunjukkan signifikan, maka orang Melayu beragama Islam perlu menitikberatkan dua faktor ini bagi menambah baik integrasi kebudayaan yang sedia ada.

Melalui beberapa cadangan ini, pihak-pihak tertentu dapat memainkan peranan dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang sedia ada supaya golongan muafak Cina menerima Islam amnya dan kebudayaan Melayu khasnya dengan baik dan tidak mempunyai persepsi negatif terhadap masyarakat Islam. Selain itu, diharap kajian ini juga menjadi satu wasilah dakwah kepada golongan muafak Cina.

## **RUJUKAN**

- Chin, Yee Wah. 2003. *Budaya Keusahawanan Cina di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Dennis, J. 1973. *Socialization to Politics: A Reader*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Hamidullah Muhammad. 1969. *Introduction to Islam*. Centre Cultural Islamic, Paris.
- Hyman, H. H. 1959. *Political Socialization, A Study in the Psychology of Political Behaviour*. New York: The Free Press.
- Langton, K.P. 1969. *Political Socialization*. New York: Oxford University Press.
- Mohd Azhar. 2006. *Memperkasa Budaya Dalam Pembangunan Modal Insan dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kupasan Awal Terhadap Peranan Universiti, Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan di Peringkat Kebangsaan*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 26-27 Julai 2006.
- Mohd Salleh Lebar. 1998. *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Phang, Hooi Eng. 2000. *The Economic Role of the Chinese in Malaysia*. Dalam Lee Kam Hing & Tan Chee Benf (Eds.). *The Chinese in Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Ranjit Singh Malhi. 2005. *Pengajian Am: Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ridhuan Tee Abdullah. 2010. *Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan*. *Jurnal Hadhari*.
- Sanusi Osman. 1986. *Ikatan Etnik dan Ras di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Sanusi Osman. 1989. *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*. Bangi: UKM.

Shamsul Amri Baharuddin. 2007. Modul Hubungan Etnik. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Universiti Teknologi MARA

Syarul Azman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. Tahap Kefahaman Penerimaan Dan Integrasi Golongan Mualaf Cina Terhadap Kebudayaan Masyarakat Melayu Di Negeri Selangor. Jurnal Hikmah

Syarul Azman, Razaleigh Muhamat@ Kawangit, Hanis Najwa Shaharuddin & Muhammad Nawawi Kandar. 2014. Perbezaan Kefahaman Golongan Mualaf Cina Terhadap Kebudayaan Masyarakat Melayu Berdasarkan Demografi Di Negeri Selangor. Proceeding of the 5th International Conference of Asean Studies on Educational Technology and Religious Cultures (UKM-POLMED)